

TEKS UCAPAN  
YBHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB  
NAIB CANSELOR

---

MAJLIS SUMBANGAN BAHAN 'KEEP A BOOK ALIVE'  
PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH

---

22 November 2017 (Rabu), 9:00 pagi  
Ruang Aras 1, Perpustakaan Laman Hikmah

Bismillahirrahmanirrahim

**YBhg. Prof. Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad**

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**YBhg. Prof. Datuk Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**YBhg. Prof. Datuk Dr. Izaidin bin Abdul Majid**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong-Penolong Naib Canselor

**Yang Berusaha Encik Mohd Isa bin Mohd Dom**

Ketua Pegawai Maklumat

**Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Mohd Nor bin Husain**

Pemberi Sumbangan Bahan Ilmiah

**Yang Berusaha Saudara Rian bin Azman**

Yang Di Pertua Majlis Perwakilan Pelajar

Pegawai-pegawai Kanan Universiti

Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia, Salam 1UTeM

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau,  
Melaka 755 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya kita diberi kesempatan untuk berhimpun pada Majlis Sumbangan Bahan “Keep A Book Alive” oleh Perpustakaan Laman Hikmah UTeM.

#### **A) OBJEKTIF MAJLIS**

1. Objektif utama penganjuran majlis ini adalah untuk menunjukkan rasa prihatin warga UTeM sebagai masyarakat penyumbang.

2. Ia juga bagi menyemaikan rasa cinta dan minat membaca melalui buku-buku yang disumbangkan di samping memperluaskan wawasan bacaan di kalangan warga universiti.
3. Projek “Keep A Book Alive” ini akan menjadi satu platform positif bagi menyediakan peluang untuk warga UTeM dan masyarakat sekeliling berkongsi buku dan bahan bacaan melalui sumbangan buku-buku terpakai.
4. Ianya juga dapat membudayakan sikap cintakan buku di kalangan masyarakat secara amnya.
5. Usaha ini akan meningkatkan reputasi Perpustakaan Laman Hikmah sebagai satu entiti pembangunan koleksi secara bersama antara

pengguna dan perpustakaan sebagai pusat pengumpulan, penyimpanan dan penyebaran ilmu.

**B) LATAR BELAKANG “KEEP A BOOK ALIVE”**

6. Perpustakaan UTeM pernah menganjurkan kempen yang sama pada tahun 2011, 2015 dan 2016. Sambutan menggalakkan diterima daripada syarikat swasta dan orang perseorangan.
7. Sejak program ini diperkenalkan, perpustakaan telah menerima sejumlah 578 naskhah daripada pelbagai jenis bahan dengan anggaran nilai sebanyak RM19,500.00.

8. Pada 4 Oktober 2017, Profesor Dato' Dr. Mohd Nor bin Husain daripada FKEKK telah bersetuju untuk menyumbangkan sejumlah 257 naskah bahan bacaan milik peribadi beliau kepada perpustakaan dengan anggaran nilai sejumlah RM32,000.00.
9. Terima kasih kepada Dato' yang sudi menyumbang kepada Perpustakaan Laman Hikmah. Sumbangan ini merupakan sumbangan peribadi terbesar warga UTeM setakat ini.
10. Diharapkan lebih ramai lagi Warga UTeM akan mengikut jejak langkah Profesor Dato' Dr. Mohd Nor menyumbangkan bahan bacaan kepada perpustakaan untuk dijadikan koleksi dan perkongsian maklumat sesama warga universiti.

### **C) JENIS BAHAN YANG BOLEH DISUMBANGKAN**

11. Perpustakaan Laman Hikmah menerima semua jenis bahan daripada penyumbang seperti buku, CD, VCD, DVD dan majalah yang bersesuaian.

12. Walau bagaimanapun, Universiti amat dialu-alukan sumbangan bahan-bahan dalam bidang teras universiti iaitu kejuruteraan, ICT, TVET dan pengurusan teknologi.
13. Bagi bahan yang tidak dijadikan koleksi perpustakaan, sumbangan ini akan dipanjangkan kepada organisasi atau institusi luar yang relevan dengan bahan berkenaan bagi maksud sumbangan atau pertukaran bahan.

#### **D) PROMOSI “KEEP A BOOK ALIVE”**

14. Kempen akan diperluaskan dengan penggunaan media sosial seperti Info Perpustakaan, Facebook, Twitter, Instagram dan Portal Perpustakaan.

15. Perpustakaan pada bila-bila masa boleh menerima bahan sumbangan daripada penyumbang dengan membuat penyerahan bahan melalui stesen buku yang akan ditempatkan di lokasi strategik di semua kampus UTeM mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

## E) PENUTUP

16. Merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada warga kerja Perpustakaan Laman Hikmah khususnya Tuan CIO di atas inisiatif meningkatkan jumlah bahan bacaan melalui sumbangan bahan.
17. Juga, terima kasih kepada Prof. Dato' Dr. Mohd Nor di atas sumbangan bahan ilmiah.

Sekian, terima kasih